

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP DAN PENYERAHAN TRAVEL

GUIDE FTROADPEDIA ZON UTARA 2017

DI DEWAN WARISAN, KANGAR

PERLIS INDERA KAYANGAN.

30 JULAI 2017

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera , Salam infrarakyat, Salam FTRoadpedia & Salam Negaraku Malaysia

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat - Nya, dapat kita berhimpun pada malam ini bersempena dengan Program Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 Zon Utara yang melibatkan Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah dan Negeri Perlis Indera Kayangan. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya dan seluruh warga rombongan FTRoadpedia Zon Utara, ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Azlan Man dan kerajaan Negeri Perlis

Indera Kayangan, di atas kerjasama, bantuan dan sokongan yang diberikan bagi menjayakan program ini.

Untuk makluman YAB Datuk Seri dan hadirin yang dihormati sekalian, Negeri Perlis adalah destinasi terakhir rombongan FTRoadpedia Zon Utara. Semalam 29hb Julai, Tim FT kali ini memulakan perjalanan selepas di Flag Off dari perkarangan Menara Kerja Raya di Jalan Sultan Salahuddin, seterusnya disambut JKR Perak, di Tg Malim, iaitu sempadan Selangor / Perak, singgah di Kuala Kangsar dan Parit Buntar kemudian bermalam di Pulau Pinang. Pagi tadi, 30hb Julai, rombongan jelajah sempat mengelilingi Pulau Mutiara melalui Jalan FT06 yang menawarkan panorama alam yang menarik melalui likuan jalan yang mengujakan. Alhamdulillah, akhirnya sampai juga di Kangar, ‘Bandar Sejahtera’ ini.

Jelajah FT kali ini mengangkat tema “***Ekspresi Jalan Persekutuan NegaraKu***” memandangkan program kali ini sudah pun memasuki Sambutan Bulan Kemerdekaan, peserta jelajah FT turut membawa bersama semangat dan nostalgia sambutan tersebut. Sudah pasti melalui jalan persekutuan inilah, rakyat Malaysia beramai-ramai menuju ke KL untuk menyaksikan dan merayakan hari penuh bersejarah perisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada tahun 1957 dahulu.

Hari ini Jalan Persekutuan yang semakin baik kualiti dan fasiliti nya merupakan satu nikmat kemerdekaan, nikmat negara yang membangun. Namun nikmat kemerdekaan bukan saja terletak pada pembangunan duniawi, tapi yang lebih penting, kemerdekaan jiwa yang sebelum ini dibelenggu oleh pengaruh dan ideologi penjajah. Kami sebagai warga

KKR berasa amat bangga kerana telah dapat menyumbang kepada kemakmuran negara melalui pembinaan dan penyelenggaraan infra rakyat iaitu jalan raya dan bangunan kerajaan.

YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

Seperti biasa FT juga turut mengabadikan kenangan melalui Jalan Persekutuan yang melalui negeri-negeri yang bukan sahaja kaya dengan sejarah, sosio budaya masyarakat setempatnya, malah sarat dengan produk pelancongan yang eksotik untuk dinikmati sendiri oleh pengguna Jalan Persekutuan. Cuba lah Cipta Detik Indah Bersama dalam jelajah FTRoadpedia anda sendiri. Saya pasti perjalanan menelusuri FT bakal mencipta momen indah, sama ada bersama keluarga mahu pun sahabat handai.

PERLAKSANAAN PROGRAM JELAJAH FTROADPEDIA KKR 2017 ZON UTARA.

YAB Datuk Seri, Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Program Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 Zon Utara adalah program keempat diadakan, sebagai kesinambungan kepada tiga FTRoadpedia yang diadakan sebelum ini iaitu FTRoadpedia Zon Selatan, bermula dari Kompleks Kerja Raya (KKR) Kuala Lumpur – Seremban - Melaka - Johor Bahru pada 07 hingga 09 Mei yang lalu. Jelajah Zon Selatan ini melalui FT01, FT05, FT19, FT23, FT52 dan FT95, dengan jarak 688 kilometer.

Sebelum itu pada 23 hingga 25 Februari FTRoadpedia yang telah menjelajahi Zon Timur Semenanjung Malaysia bermula dari Kompleks Kerja Raya (KKR) Kuala Lumpur – Kuantan - Kuala Terengganu, melalui FT68, FT02 dan FT03, dengan jarak 462 kilometer.

Dalam jelajah pertama pada 6 dan 7 Ogos 2016, FTRoadpedia Zon Tengah membawa tim kembara FT menjelajah sejauh 203 km melalui FT05 dari KKR dan berakhir di Dewan Komuniti Bestari, Batu 10, Lekir, Manjung, Perak. Ketiga-tiga Program FTRoadpedia sebelum ini juga disertai oleh saya sendiri, bersama Pegawai Atasan KKR dan agensi, Rakan KKR dan pengamal media.

Perjalanan FTRoadpedia sebenarnya masih jauh, kita baru saja menelusuri 2,049 kilometer daripada keseluruhan 19,822 kilometer Jalan Persekutuan. In syaa Allah, program ini akan kita teruskan lagi melalui jajaran jalan persekutuan lain pada tahun depan.

YB Datuk Seri dan Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Sebagaimana tiga program Jelajah FTRoadpedia KKR sebelum ini, Jelajah sejauh 696 km kali keempat ini turut membabitkan aktiviti meninjau dan memantau tugas JKR dan syarikat konsesi, merakam tempat menarik seperti tempat rekreasi, tempat makan, penginapan, tempat bersejarah, rumah ibadat dan sebagainya sepanjang laluan FT01- FT149 - E28 – FT3113 - FT06 – FT07 – FT79 - FT1002 - FT194 dan E01.

Rakan media juga turut serta dalam rombongan ini dan merakam lokasi-lokasi menarik sepanjang kembara FT ini untuk dipromosikan melalui media cetak, elektronik dan media sosial. Terimakasih saya ucapkan kepada rakan-rakan media dan Rakan KKR yang membantu

kita dalam menyebarluaskan lagi informasi kemudahan di sepanjang jalan FT seperti lokasi inap, makan dan lawat yang menyeronokkan, istimewa untuk pengguna Jalan Persekutuan yang gemar mencipta momen mereka sendiri.

AUDIT PEMANTAUAN PEMBINAAN (JALAN, PROJEK) DAN AUDIT PEMATUHAN (R&R)

Satu lagi elemen tambahan dalam Jelajah FTRoadpedia Zon Utara ini ialah Audit Pemantauan Pembinaan yang merupakan aktiviti pemeriksaan yang dilaksanakan untuk menverifikasi dan memastikan proses atau produk pembinaan dilaksanakan oleh kontraktor mematuhi semua syarat, spesifikasi dan pernyataan yang ditetapkan dalam kontrak.

Bagi audit pematuhan R&R pula, pemeriksaan akan melibatkan aspek premis, pengendali makanan dan proses penyediaan makanan menepati amalan kebersihan dan keperluan sanitasi bagi memastikan penghasilan makanan yang selamat kepada pelanggan khususnya pengguna lebuhraya.

YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

Malam ini adalah malam kemuncak Jelajah FTRoadpedia Zon Utara. Alhamdulillah, seramai 70 pengembara FTRoadpedia selamat tiba untuk bersama-sama berada di Majlis Penyerahan buku Panduan Jalan Persekutuan, iaitu Travel Road Guide siri 4 kepada YAB Dato' Seri Azlan Man Menteri Besar Perlis Indera Kayangan sebagai tanda terima kasih kami. Buku ini kita hasilkan untuk setiap kali program

FTRoadpedia, mengandungi informasi khususnya mengenai Jalan Persekutuan, yang saya yakin dapat membantu menambah lagi pengetahuan pengguna mengenai Jalan Persekutuan.

Jelajah FTRoadpedia secara konklusifnya membawa konotasi Jelajah bermaklumat melalui Jalan-jalan Persekutuan (Federal Trunk Road) merupakan usaha yang dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:-

- i. Pembaharuan imej dan perspektif positif (refreshment outlook) terhadap Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
- ii. Menonjolkan (highlight) Jalan Persekutuan sebagai jalan utama.
- iii. Menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan Jalan Persekutuan sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan “cipta detik indah bersama” (Let’s Create A Moment)

Alhamdulillah sepanjang Jelajah FTRoadpedia Zon Utara ini, saya bersama-sama Pengurusan Atasan Kementerian dan Agensi telah berkesempatan turun padang bagi meninjau sendiri laluan Jalan Persekutuan yang telah ditetapkan, melihat sendiri keadaan dan tahap kualiti Jalan Persekutuan.

Sepanjang Jelajah FTRoadpedia kali ini beberapa projek di sepanjang Jalan Persekutuan yang dilalui telah ditinjau kemajuan kerjanya iaitu:

- i. Projek Menggantikan Jambatan Sedia Ada di FT001/716/20 Kerian, Perak Darul Ridzuan.

- ii. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT006 Dari Teluk Kumbar Ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang dan
- iii. Projek Pembinaan Jalan Menghubungkan Lebuhraya Utara-Selatan Ke Jambatan Pulau Bunting, Yan, Kedah Darul Aman.
- iv. Projek Hospital Parit Buntar, Perak.
- v. Projek Membaikpulih SMK Panglima Bukit Gantang, Perak.

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Program FTRoadpedia ini juga merupakan peluang bagi saya sendiri memantau dan mengaudit perjalanan projek-projek yang sedang rancak dilaksanakan di tapak mahupun kerja-kerja rutin oleh pihak konsesi.

Saya percaya bahawa rakyat khususnya masyarakat setempat sedar bahawa Kementerian amat serius dalam mempertingkatkan pembangunan infrastruktur sama ada di bandar mahupun luar bandar. Justeru pelaksanaan Jelajah FTRoadpedia Jalan Persekutuan ini menunjukkan bahawa KKR serius dalam mempertingkatkan sistem perkhidmatan awam khususnya dalam aspek kualiti jalan raya. Ini jelas dengan sokongan serta penglibatan pihak Kementerian di peringkat pusat serta Jabatan /Agensi Kerajaan di peringkat Negeri. penganjuran dengan kos yang sangat minimum dan berimpak tinggi ini seajar dengan moto Kementerian "Ke Arah Kesejahteraan Rakyat" Demi Negaraku.

Lantas impak atau momentum positif program ini akan diteruskan, Kementerian Kerja Raya berhasrat untuk meneruskan program Jelajah FTRoadpedia ke Zon Utara dengan suntikan aspirasi patriotisme #Demi Negaraku dan #Infra Rakyat.

YAB Dato' Seri dan Para Hadirin yang dihormati sekalian,
Disamping memantau keadaan Jalan dan projek di Jalan Persekutuan yang dilalui, Jelajah FTRoadpedia turut sama mempromosi tempat menarik sepanjang laluan (promote localise attractions) yang didokumenkan dalam Travel Guide dan Info Map untuk disebarluaskan kepada semua pengguna Jalan Persekutuan.

Dalam Jelajah FTRoadpedia Zon Utara kali ini saya bersama para peserta telah merentasi 5 Negeri di bahagian tengah dan utara Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Sesuai dengan tema Jelajah kali ini iaitu "**Ekspresi Jalan Persekutuan NegaraKu**", kami turut berkesempatan melawat beberapa tempat menarik dan bersejarah.

Walaupun Perlis merupakan sebuah negeri terkecil di Malaysia dengan panjang Jalan Persekutuan hanya 247.25 km sahaja, namun begitu Perlis mempunyai beberapa nama yang tidak kurang hebatnya. Nama Perlis pasti menjadi sebutan setiap kali kita menyebut tentang wilayah kedaulatan negara iaitu ungkapan "dari Perlis hingga ke Sabah". Negeri Perlis ini sendiri yang merupakan sebuah negeri paling utara Semenanjung yang menjadi sempadan antarabangsa antara Malaysia dengan Negara Thailand.

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Kami juga amat teruja kerana turut berkesempatan melalui kawasan alam semula jadi di Perlis merangkumi elemen sawah padi, ladang tebu, hutan sekunder dan bukit bukau berusia 250 hingga 500 juta tahun. Saya juga dimaklumkan bahawa di Negeri Perlis ini terdapat haiwan primat *stump tailed macaque* atau dikenali sebagai beruk kentoi oleh masyarakat tempatan yang tiada di tempat lain. Satu lagi keistimewaan di Perlis ini ialah cuacanya yang unik kerana pertembungan khatulistiwa dan tropika menjadi ‘khatulpika’ iaitu suhu panas dan nyaman.

Salah satu tarikan pelancong ke negeri ini sudah pastilah Padang Besar. Insya Allah esok peserta jelajah FTRoadpedia Utara akan singgah di kompleks membeli belah ala Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan yang popular dan memang sudah menjadi sebutan ramai.

Menikmati detik indah bersama pastinya merasai masakan dan hidangan di tradisi Negeri Perlis yang sesetengah makanan ini, yang ramuannya begitu unik dan sukar untuk di dapati di negeri-negeri lain.

Alhamdulillah sebentar lagi kita akan menikmati hidangan dan makanan istimewa Negeri Perlis yang sudahpun tersedia iaitu Gulai Tulang Rusuk Batang Pisang, Sayur Manis Mentarang dan hidangan pencuci mulut Aiskrim Tapai dan Serabai Kuah Durian. Melihat hidangan ini saja kita sudah merasai kelazatan dan pasti menaikkan selera semua.

YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

Sebelum memasuki Negeri Perlis melalui Jalan Persekutuan 7 (FT07), saya bersama rombongan FTRoadpedia Zon Utara ini telah melalui Jalan Persekutuan 1 (FT01) di Negeri Kedah Darul Aman.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Negeri Kedah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sejarah dan budayanya yang tersendiri. Sepanjang laluan di Negeri Kedah, banyak kesan sejarah yang dapat kita lalui. Antaranya ialah gunung Jerai yang terkenal dengan mitos Raja Bersiong yang dikatakan membuka penempatan di kaki gunung ini. Begitu juga dengan Terusan Wan Muhammad Saman iaitu tokoh yang mencetuskan idea untuk membina terusan sepanjang 22 batu bermula dari Alor Setar hingga ke Kaki Gunung Jerai. Hasil usaha beliau itu menjadi titik tolak ke arah pembangunan Negeri Kedah terutamanya dalam bidang pertanian sehingga dikenali sebagai "Negeri Jelapang Padi" atau "Jelapang Padi Malaysia" sehingga kini.

Selain laksa yang memang sinonim dengan negeri Kedah, terdapat juga pelbagai makanan tradisi dan popular yang sempat kami nikmati ialah Gulai kawah Batang Pisang, ikan pekasam dan rendang tok. Memang makanan tradisi tempatan ini sangat enak dan menyelerakan.

Manakala, sewaktu melalui Negeri Perak Darul Ridzuan, kami sempat singgah di Kuala Kangsar yang mempunyai begitu banyak tempat menarik dan bersejarah, antaranya Masjid Ubudiah yang dibina atas titah Sultan Idris Murshidul Azam Shah, Sultan Perak ke-28 (1887-1916) kerana menunaikan nazar baginda, Istana Kenangan (Muzium Diraja) Istana ini pada keseluruhannya diperbuat daripada kayu dan dikenali juga dengan nama Istana Lembah atau kadangkala disebut juga Istana Tepas, dan Galeri Sultan Azlan yang menempatkan pelbagai alat-alat kebesaran dan cenderamata yg diterima oleh Sultan Perak dari negara-negara seluruh dunia.

Kuala Kangsar juga terkenal dengan Perusahaan Tembikar (Labu Sayong) dan wujudnya Pokok Getah Tertua terletak berhampiran dengan Pejabat Daerah Kuala Kangsar dan satu-satunya pokok getah pertama yang hidup daripada sembilan pokok getah asal yang ditanam di Malaysia pada tahun 1877.

Kami juga dapat merasai makanan dan lauk pauk tradisional popular Perak, khususnya Kuala Kangsar seperti ikan sungai bakar, ulam-ulam kampong, cendol dan dan bubur anak lebah.

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

Melalui Jalan Persekutuan 6 (FT06) pula, Jelajah FTRoadpedia Zon Utara mengelilingi sebuah pulau yang terkenal dengan jolokan Pulau Mutiara. Diantara tempat tarikan di Pulau ini ialah tempat menarik di Pulau Pinang ialah Jambatan Pulau Pinang merupakan jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara dan ketiga terpanjang di dunia sepanjangnya 13.5 km.

Selain itu, Bukit Bendera terletak 821m di atas ibukota Pulau Pinang, ia biasanya lima darjah (5°) lebih sejuk dan Kereta Api Bukit Bendera yang dibina pada tahun 1923, ia adalah salah satu sistem funikular tertua di dunia dan mempunyai trek 2,007m panjang.

Sepanjang laluan di Pulau Pinang kami sempat menikmati menu makanan popular mereka iaitu Nasi Kandar.

PENUTUP

YAB Dato' Seri dan Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Demikianlah sepintas lalu imbasan Jelajah FTRoadpedia Zon Utara yang dapat saya simpulkan sebagai menepati nikmat kembara sambil mencipta detik indah bersama dengan dengan membawa semangat kemerdekaaan bersesuaian dengan tema program kali ini iaitu **“Ekspresi Jalan Persekutuan NegaraKu”**. Sesungguhnya melalui Jalan Persekutuan menawarkan begitu banyak keterujaan, keseronokan, nostalgia dan sesuatu yang tidak akan diperolehi jika kita melalui jajaran lebuhraya bertol.

Sebagai penutup, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Azlan Man dan kerajaan Negeri Perlis Indera Kayangan kerana sudi memberikan kerjasama dan bantuan kepada KKR menjayakan program ini dan seterusnya membuka peluang kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang. Kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini juga sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Pastinya perjalanan melalui Jalan Persekutuan akan menjadi momen terindah sebagai suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup melalui slogan “cipta detik indah bersama” (Let’s Create A Moment). Ayuh....! Cipta Detik Indah Bersama. Jom guna Jalan Persekutuan!

Akhir sekali, terimalah dua rangkap pantun untuk orang Perlis daripada saya...

Bulan mengambang nampak di Arau,

Padang Besar sempadan negeri;

Salah silap senda dan gurau,
Ampun dan maaf mohon diberi.

Dari Chuping hendak ke Kangar,
Ikut jalan ke Bukit Keteri;
Budi tuan luas terhampar,
Terima kasih tidak terperi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

#FTRoadpedia.

#Jalanpersekuatan

#Negaraku

#infrarakyat